



**EMBARGO**  
TIDAK BOLEH DICETAK ATAU  
DISIARKAN SEBELUM JAM  
10.00 MALAM, 9 MEI 2026

LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (32)

## SIARAN MEDIA

### **BALAI SENI NEGARA RAI SENIMAN MUDA MENERUSI PERTANDINGAN BAKAT MUDA SEZAMAN EDISI KE-29 DI LANGKAWI**

**9 MEI 2026** – Balai Seni Negara mengumumkan pemenang Anugerah Utama bagi Pertandingan Bakat Muda Sezaman Edisi Ke-29 (BMS29) dalam satu majlis yang dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) di Balai Seni Negara Langkawi.

Turut hadir ialah YBrs. Prof. Madya Dr. Jalaini bin Abu Hassan, Pengerusi Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN), YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara, pegawai-pegawai kanan MOTAC, jabatan dan agensi serta para penggiat seni.

Anugerah Utama Bakat Muda Sezaman Edisi Ke-29 (BMS29) yang membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM40,000 telah dianugerahkan kepada Norfatimah Yusoff menerusi karya bertajuk *Unharvested Futures: Voices of The Field* yang dipamerkan di kawasan sawah padi, Pulau Tuba, Langkawi. Karya tersebut menyerlah dari segi kekuatan idea, selain berjaya memberikan impak menyeluruh terhadap komuniti setempat menerusi pendekatan yang dekat dengan kehidupan, persekitaran dan suara masyarakat tempatan.

Selain Anugerah Utama, sebanyak empat (4) Anugerah Juri turut disampaikan kepada Aiman Yusri Mohamad Yusoff, Khairul Ehsani Sapari, Muhammad Ismail Rahim serta Lim Xiao Mun & Helmi Azam Tajul Aris, yang masing-masing menerima hadiah wang tunai berjumlah RM15,000 atas pendekatan artistik serta penerokaan karya yang diketengahkan menerusi BMS29.

Sementara itu, sembilan (9) Anugerah Harapan turut diberikan sebagai pengiktirafan terhadap potensi dan kualiti karya yang dipamerkan, dengan setiap penerima menerima hadiah wang tunai berjumlah RM1,000.

Panel juri BMS29 terdiri daripada pakar berpengalaman dari dalam dan luar negara iaitu Fram Kitagawa, Kurator dan Ketua Pengarah Echigo-Tsumari Art Triennale, Jepun, Dr. Agung Hujatnikajennong, Pensyarah di Institut Teknologi Bandung, Jawa Barat, Indonesia, serta Dr. Mohamad Faizuan bin Mat, Timbalan Pengarah, Institut Seni Kreatif dan Teknologi (iCreaTe), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), yang masing-masing mempunyai kepakaran luas dalam bidang seni dan kuratorial.

Bakat Muda Sezaman (BMS) merupakan pertandingan seni berprestij anjuran Balai Seni Negara yang telah diperkenalkan sejak tahun 1974 dan terus menjadi platform penting dalam mencungkil, mengiktiraf serta mengangkat bakat seniman muda kontemporari Malaysia.

BMS29 tampil dengan pendekatan “Lokasi Spesifik” (*Site-Specific*), dengan Langkawi dipilih sebagai latar utama pengkaryaan. Pendekatan ini memberi ruang kepada peserta untuk menghasilkan karya yang berakar daripada sejarah, budaya, ekologi serta naratif masyarakat setempat. Sebanyak 21 penyertaan akhir dengan 16 karya berjaya dipamerkan di tapak lokasi pada edisi kali ini, yang menampilkan pelbagai pendekatan seni kontemporari melalui eksplorasi idea, medium dan naratif yang berbeza.

Antara lokasi yang terlibat ialah Pasar Awam Kuah, Pantai Taman Lagenda, Jeti Pulau Tuba, bangunan terbiar bersebelahan tapak Bazaar Ramadhan Kuah, Hospital Lama Kuah, Bendang Padi Pulau Tuba, Kedai Perkhidmatan Dobi Pulau Tuba, Taman Rekreasi Tasik Teluk Kedak, Dataran Lang dan Jetty Point. Karya-karya yang dihasilkan merangkumi pelbagai medium termasuk instalasi, media campuran, digital, persembahan dan interaktif, sekali gus memperlihatkan kepelbagaian pendekatan seni kontemporari dalam menghayati ruang dan komuniti.

Melalui pendekatan ini, BMS29 bukan sahaja menjadi platform pertandingan, malah menghidupkan ruang awam sebagai medan apresiasi seni yang lebih inklusif bersama komuniti setempat. Pameran karya-karya BMS29 kini dibuka kepada orang awam sehingga 26 Julai 2026.

Dalam pada itu, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Jabatan Perumahan Negara, Japan Foundation Kuala Lumpur, Jetty Point Langkawi, Langsura Geopark Sdn. Bhd., The RIYAZ Lavanya Langkawi, Bon Ton Locale, BESTUBA, serta penduduk Pulau Tuba dan seluruh komuniti yang terlibat, atas segala sokongan, kerjasama dan komitmen yang diberikan dalam menjayakan penganjuran BMS29.

Balai Seni Negara berharap BMS akan terus menjadi platform penting dalam memperkasa pembangunan seniman muda serta memperkukuhkan landskap seni negara di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my) atau ikuti saluran media sosial rasmi Balai Seni Negara.

---

*Dikeluarkan:*

**Unit Komunikasi Korporat**

**BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur  
Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: [ukk@artgallery.gov.my](mailto:ukk@artgallery.gov.my) W: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

**Balai Seni Negara:**

**Mohd Zuriyadi Sarpin**

T: +60 11 1005 5207

E: [zuriyadi@artgallery.gov.my](mailto:zuriyadi@artgallery.gov.my)

**Intan Syazwina Suhaimi**

T: +60 19 998 5884

E: [syazwina@artgallery.gov.my](mailto:syazwina@artgallery.gov.my)